

## Kedudukan Akal dalam Pendalilan Akidah

Muhammad Rashidi Wahab<sup>a</sup>, Mohd Faizul Azmi<sup>a\*</sup>

<sup>a</sup>Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman

\*Corresponding author: mfaizulazmi@unisza.edu.my

### Article history

Received :5 March 2013

Received in revised form :

2 July 2013

Accepted :15 July 2013

### Abstract

The logical reasoning is one of the most important sources in Islamic theology tradition, besides the main source Quran and Hadith. The position of logical reasoning is recognized by the Sunni's scholar because it is able to produce the level of confidence to believe in God. However, a number of schools of theology like Hashawiyyah refute the logical reasoning and claimed Sunni, especially Asharite and Maturidi theologians were influenced by Mutazilite methodology, which prioritizes the logical reasoning than divine revelation. The implications of this accusation make several Muslims denied the logical reasoning in theology tradition, even followers Asharite and Maturidi also equated with Mutazilite. This study employs qualitative methods with a special focus on document analysis method in analyzing and examines the Sunni theology framework to prove that Sunni owned their methodology in interacting with the logical reasoning. Even this article also highlighted Hashawiyyah and Mutazilite stance toward the issue and become a polemic between them. The study found that the approach of the Sunni in acceptance the logical reasoning based on accurate proof and argument to differentiate them from Mutazilite and Hashawiyyah. This is in line with the Qur'an and the Hadith, which also recognizes the advantages of the human reason. Additionally, this study concluded that the human reason also has limitations in knowing the reality of God and Islamic laws.

**Keywords:** Logical reasoning; divine revelation; theology; Sunni

### Abstrak

Pendalilan akal merupakan salah satu sumber terpenting dalam membahaskan persoalan akidah, selain daripada sumber utama al-Quran dan hadis. Kedudukan dalil akal tersebut diiktiraf oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah kerana ia berkemampuan untuk menghasilkan keyakinan sehingga terbentuk keimanan kepada Allah S.W.T. Walau bagaimanapun, sebilangan aliran pemikiran seperti Hashawiyyah didapati menolak peranan akal dalam perbaasan akidah, lantas mendakwa Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah khususnya Asha'irah dan Maturidiyyah terpengaruh dengan metodologi aliran sesat Mu'tazilah yang terlebih mengutamakan dalil 'aqli berbanding dalil naqli. Implikasi daripada tohmahan tersebut menyebabkan segelintir umat Islam memandang serong terhadap kedudukan dalil akal dalam akidah, malah pengikut Asha'irah dan Maturidiyyah turut disamakan dengan Mu'tazilah. Menerusi kaedah analisis kandungan dokumen, artikel ini akan meneliti kedudukan akal dalam pendalilan akidah menurut kerangka Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah untuk membuktikan bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah mempunyai metodologi tersendiri dalam berinteraksi dengan akal. Malah artikel turut mengetahukkan pendirian Hashawiyyah dan Mu'tazilah berkaitan isu yang dibincangkan sebagai lontaran pemikiran sehingga tercetusnya polemik tersebut. Hasil kajian mendapat bahawa pendekatan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dalam menerima pendalilan akal adalah didasari oleh sumber dan hujah meyakinkan bagi membezakannya dengan Mu'tazilah dan Hashawiyyah. Hal ini bertepatan dengan al-Quran dan hadis yang turut memperkuat kelebihan akal kepada manusia sehingga ia dapat dijadikan panduan dalam kehidupan mereka. Selain itu, kajian merumuskan bahawa akal juga mempunyai batasan kemampuan dalam memperkatakan sesuatu terutamanya tentang hakikat zat Allah S.W.T. dan perkara hukum-hakam Islam.

**Kata kunci:** Dalil 'Aqli; dalil Naqli; akidah; Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah

© 2013 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

### ■1.0 PENDAHULUAN

Akal merupakan salah satu anugerah istimewa Allah S.W.T. kepada makhluk-Nya bernama manusia. Keistimewaan akal ini membolehkan manusia berfikir dan menguruskan kehidupan

mereka dengan sempurna, tidak seperti spesis haiwan lain yang tidak dikurniakan akal. Manusia juga berkemampuan menilai atau memilih sesuatu perkara melalui timbangan yang dimiliki oleh akal fikiran. Peranan besar yang dimainkan akal ini membuktikan bahawa manusia sentiasa terdorong untuk

mencari kebenaran sehingga mereka dapat mencapai hakikat keyakinan terhadap sesuatu kebenaran (Ibn Manzur, 2003: 6/371; al-Maydani, 1993: 11). Kelebihan tersebut mendapat dukungan jumhur ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dengan bersepakat menerima akal sebagai salah satu sumber pendalilan dalam akidah yang membolehkan manusia mencapai keimanan kepada Allah S.W.T. berdasarkan syarat-syarat tertentu (Mahmud Shaltut, 2001: 53).

Namun begitu, pendirian Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah ini ditolak oleh golongan lain seperti Hashawiyah dan Salafiyah yang memandang akal tidak mempunyai sebarang kemampuan untuk menghasilkan keyakinan. Oleh itu, mereka berpandangan bahawa sumber pendalilan akidah hanya zahir dalil *naqli* daripada al-Quran dan hadis sahaja tanpa ia memerlukan huraian atau campur tangan akal (al-Ghazali, 1994: 21; Mustafa Sabri, 1981: 1/152). Manakala Mu'tazilah pula menyatakan bahawa akal adalah sumber pendalilan paling utama dalam akidah sehingga berlaku percanggahan dengan dalil *naqli* daripada al-Quran dan hadis (al-Sharastani, 1993: 1/56). Dalam hal ini, Mu'tazilah didapati terlalu melebihkan penerimaan akal, sedangkan Hashawiyah dan Salafiyah terlalu menolak peranan akal. Perselisihan tersebut mengundang keresahan dan pertikaian dalam kalangan aliran pemikiran sehingga membawa kepada pepecahan dan gejala sesat-menyesat malah kafir mengkafir terhadap jumhur Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Ini kerana Hashawiyah dan Salafiyah mendakwa bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang terdiri daripada aliran Asha'irah dan Maturidiyyah mengambil sumber pendalilan akal daripada metodologi aliran sesat Mu'tazilah (Ibn Taymiyah, 2005: 8/137).

Menerusi kaedah analisis kandungan daripada pelbagai sumber primer dan sekunder yang berautoriti, artikel ini akan mengetengahkan suatu penelitian tentang persoalan kedudukan akal dalam pendalilan akidah berdasarkan pendekatan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah khususnya Asha'irah dan Maturidiyyah. Selain itu, artikel ini turut menjelaskan peranan akal menurut al-Quran dan hadis. Malah artikel juga membahaskan pendirian Hashawiyah dan Mu'tazilah terhadap akal bagi menzhahirkan perbezaan diantara kedua-dua aliran pemikiran tersebut dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Sebagai permulaan, artikel ini akan memaparkan perbincangan berkaitan sumber pendalilan dalam akidah terlebih dahulu untuk menjelaskan pendekatan ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dalam mendepani isu tersebut.

## ■2.0 SUMBER PENDALILAN DALAM AKIDAH

Akidah ialah suatu perkara yang berkaitan dengan kepercayaan dan keyakinan di dalam hati sehingga jiwa menjadi tenang kerana tiada lagi keraguan dan kesamaran untuk beriman kepada Allah S.W.T. (al-Banna, 1421H: 7). Mengenal Allah S.W.T. (*ma'rifah Allah*) merupakan kewajipan paling utama bagi memperolehi keimanan agar keyakinan seseorang *mukallaf* terhadap Allah S.W.T. sentiasa terpelihara (al-Bayjuri, 2001: 45). Dimaksudkan dengan *ma'rifah Allah* tersebut ialah keyakinan yang teguh berbetulan dengan hakikat yang sebenar dan disertai oleh dalil tertentu. Dalam hal ini, penekanan terhadap aspek keyakinan sangat penting dengan mensyaratkan keyakinan tersebut mesti berbentuk *jazm* (keyakinan yang teguh) sepenuhnya yang jauh daripada unsur-unsur *zan*, *shak* atau *wahm*. Manakala keyakinan yang *jazm* ini pula terasil dari pada dalil-dalil bersifat *qat'iyyah al-thubuth* sahaja sama ada ia berbentuk *ijmali* (ringkas) atau *tafsili* (terperinci) (al-Bayjuri, 2001: 24).

Bagi memperolehi keyakinan yang *jazm*, ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah khususnya dalam kalangan Asha'irah dan Maturidiyyah telah menyusun metodologi pendalilan akidah berasaskan sumber dalil *naqli* dan dalil *aqli*. Dalil *naqli* merujuk kepada nas-nas al-Quran, hadis Rasulullah S.A.W. dan *ijma'*, manakala dalil *'aqli* merujuk kepada penyusunan bukti-buktik logik yang diyakini oleh akal manusia (al-Ghazali, T.th: 244; al-Baqillani, 2009: 96). Mereka bersepakat mengiktiraf dalil *naqli* sebagai sumber utama dalam menetapkan akidah yang benar kerana sumber ini memberi penghujahan yang bersifat *qat'iyyah al-thubuth* daripada Rasulullah S.A.W. Dalam membincangkan perihal pendalilan hadis, mereka hanya bersepakat mengenai hadis *mutawatir* sahaja kerana tahap kesahihan hadis *mutawatir* sememangnya diyakini membawa kepada keyakinan. Namun mereka didapati berselisihan pendapat tentang penghujahan hadis *ahad* sama ada ia dapat dijadikan sebagai salah satu sumber dalil yang *qat'iyyah al-thubuth* atau tidak dalam perbahasan persoalan akidah. Secara umumnya, terdapat tiga kumpulan ulama dalam mendepani isu tersebut iaitu: Kumpulan pertama berpendapat hadis *ahad* tidak diterima dalam mengisbatkan akidah, malah beranggapan hadis ini hanya memberi faedah dari sudut kegunaan untuk beramal (fikah) sahaja tetapi bukan dari sudut memberi keyakinan. Kumpulan kedua pula berpendapat hadis *ahad* diterima sebagai sumber dalam akidah dan ia membawa kepada keyakinan dan beramal. Sedangkan kumpulan ketiga berpendapat hadis *ahad* yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim ataupun salah seorang daripada mereka sahaja yang dapat dijadikan hujah dalam akidah (al-Duri, 2012: 23-24; al-Salih, 2009: 151).

Pendapat pertama diwakili oleh jumhur ulama yang menyatakan bahawa tidak harus berhujah dengan hadis *ahad* kerana ia tidak bersifat *qat'iyyah al-thubuth*, sedangkan akidah didasari oleh keyakinan yang *jazm*. Malah al-Nawawi (1999: 1/131) telah menjelaskan tentang kesepakatan jumhur umat Islam dalam kalangan para sahabat, tabi'in dan selepas mereka antaranya ulama hadis, fikah dan akidah berpendapat bahawa hadis *ahad* tidak dapat dijadikan hujah dalam akidah kerana ia menghasilkan *zan* yang tidak mendatangkan keyakinan. Manakala pendapat kedua ialah mengharuskan berhujah dengan bersumberkan hadis *ahad* kerana mereka berpendapat ia turut bersifat *qat'iyyah al-thubuth* yang meyakinkan. Bagi mereka, setiap hadis *ahad* yang diriwayatkan oleh perawi yang adil dan sanad yang tidak terputus sehingga sampai kepada Rasulullah SAW dapat dijadikan pegangan yang *qat'i* dalam persoalan akidah (al-Salih, 2009: 151). Walau bagaimanapun, Ibn Salah yang mewakili pendapat ketiga mensyaratkan hadis *ahad* yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim ataupun salah seorang daripada mereka sahaja yang diterima untuk dijadikan hujah dalam akidah (Ibn Salah, 1986: 28-29; al-Duri, 2012: 27; al-Salih, 2009: 151).

Selain itu, sebagaimana dimaklumi, akal juga dikategorikan sebahagian daripada sumber pendalilan akidah, walaupun berlaku perselisihan pandangan sama ada akal berkemampuan memperolehi keyakinan atau sebaliknya dalam *ma'rifah Allah*. Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah berpendapat bahawa sebahagian daripada sumber akidah untuk menghasilkan ilmu dapat ditanggapi melalui kaedah pendalilan akal seperti penelitian, analisis, pembuktian dan penyusunan maklumat. Contohnya, manusia menggunakan akal dalam menentukan bilangan seribu lebih banyak daripada seratus, mengetahui pintu diketuk oleh seseorang apabila terdengar ketukan pintu dan sebagainya lagi. Ini bererti setiap perkara yang dihasilkan melalui pendalilan akal berdasarkan kaedah-kaedah tertentu dapat memberikan keyakinan, seterusnya menjadi pegangan dalam kepercayaan (al-Maydani, 1979: 34-37). Dari sudut lain, pendalilan *'aqli* tersebut bertindak sebagai

mengukuhkan lagi pendalilan *naqli* dalam mengisbatkan akidah, dan ia bukan bermaksud sebagai mencipta suatu kepercayaan baru yang bertentangan dengan dalil *naqli* daripada al-Quran dan hadis (Abu Zahrah, 1996: 170-171).

Hal ini bertepatan dengan metodologi pendalilan akidah Imam al-Ash'ari (m. 330H) selaku tokoh utama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang menggabungkan di antara dalil *naqli* dan dalil *aqli*. Imam al-Ash'ari mengemukakan pendirian beliau tentang dalil *aqli* dalam karyanya *al-Luma'* fi al-Rad 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bid'a dan *Risalah fi al-Istihsan al-Khawd fi Ilm al-Kalam* dengan menyatakan bahawa terdapat segolongan manusia menjadikan kejahilan sebagai asas pemikiran sehingga mereka tidak berusaha untuk berfikir dan menganalisis persoalan agama. Mereka lebih cenderung kepada bertaklid lantas mengkritik sesiapa sahaja yang menggunakan pemikiran untuk berinteraksi dengan agama dan menganggap perbuatan itu adalah menyeleweng. Imam al-Ash'ari turut menjelaskan bahawa masalah agama hendaklah dikembalikan kepada dasar-dasar agama iaitu wahyu, manakala masalah akal dan deria hendaklah dikembalikan kepada sumber asalnya (al-Ash'ari, 1995: 47-48).

### ■3.0 AKAL MENURUT AL-QURAN DAN HADIS

Al-Quran dan hadis serta fakta-fakta sejarah banyak menunjukkan bukti tentang Islam sebagai agama yang bertepatan dengan akal. Al-Quran secara umumnya merupakan sebuah kitab yang sentiasa menyeru kepada pembebasan akal daripada pemikiran yang sempit dengan membawakan pelbagai pendekatan dan pengajaran dalam menjadikan akal sebagai neraca penilaian bagi setiap perkara ('Abd al-Halim Mahmud, T.th: 15-17). Dalam hal ini, kewujudan peranan dalil *aqli* sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran bahawa Allah S.W.T. telah mendorong hamba-hamba-Nya agar merenung dan berfikir tentang kejadian yang terdapat di langit dan bumi adalah semata-mata untuk meningkatkan keimanan dan keyakinan terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T. bermaksud:

“Apakah mereka tidak memperhatikan kerajaan langit dan bumi dan segala sesuatu yang diciptakan Allah, dan (memikirkan) kemungkinan telah dekatnya kebinasaan mereka? Maka kepada berita manakah lagi sesudah (datangnya al-Quran) itu mereka akan beriman?”

(al-A'raf, 7: 185)

Menurut bahasa Arab, *aql* bermaksud menahan, kebijaksanaan dan memahami (Ibn Manzur, 2003: 6/371; al-Jawhari, 2007: 727), manakala akal berdasarkan kefahaman bahasa Melayu ialah fikiran, ikhtiar, daya usaha dan tahap kecerdasan seseorang (Hajah Noresah (ed.), 2010: 22). Dari sudut istilah pula, pengertian akal telah dinyatakan oleh ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dengan pelbagai definisi, antaranya al-Ghazali (2005: 1/106-1/107) telah mendefinisikan akal kepada empat pengertian iaitu:

1. Akal ialah sesuatu sifat yang dapat membezakan di antara manusia dan makhluk-makhluk lain seperti haiwan. Melalui akal, manusia berkemampuan menerima pelbagai ilmu berbentuk *nazariyyah* (ilmu yang memerlukan penelitian mendalam) dalam membentuk kerangka pemikiran. Menurut al-Ghazali, definisi akal ini yang dimaksudkan oleh seorang ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah terawal membincangkan persoalan akal iaitu al-Harith al-Muhasibi (1398H: 205) sebagai

*gharizah* (tabiat) yang disediakan untuk mengetahui pelbagai ilmu yang *nazariyyah*.

2. Akal ialah ilmu pengetahuan yang telah sekian lama wujud dalam diri setiap manusia sehingga mereka mampu membezakan tentang sesuatu kemungkinan terhadap perkara mungkin dan kemustahilan terhadap perkara mustahil.

3. Akal ialah ilmu pengetahuan yang diperolehi seseorang manusia melalui pelbagai pengalaman ditempuhi mereka. Maka dikatakan bahawa manusia yang telah diperkuahkan dan diberikan kefahaman berdasarkan sesuatu pengalaman adalah terdiri daripada manusia berakal. Definisi ini turut diketengahkan oleh al-Asfahani (T.th: 2/503) sebagai akal yang diusahakan oleh manusia dalam memperolehi ilmu pengetahuan setelah mereka melalui beberapa fasa kehidupan.

4. Akal ialah sesuatu kekuatan yang diperolehi melalui *gharizah* sehingga sampai kepada mengetahui akibat-akibat daripada segala perbuatan. Hal ini menjadikan manusia berakal mampu mencegah serta mengawal hawa nafsu terhadap keinginan dan kesenangan sementara.

Perkataan *aql* pada al-Quran tidak dinyatakan dalam bentuk kata terbitan (*masdar*), namun ia didatangkan melalui kata kerja atau perbuatan seperti dalam surah al-Baqarah (2) ayat 75, al-'Ankabut (29) ayat 43, al-Rum (30) ayat 24, al-Zukhruf (43) ayat 3 dan sebagainya lagi yang berjumlah 50 kali. Manakala tafsiran daripada ayat-ayat tersebut pula menunjukkan bahawa *aql* bermaksud ilmu pengetahuan, mengetahui dan kefahaman ('Abd al-Karim, 2000: 26-27). Selain itu, pengertian *aql* turut disebutkan dengan pelbagai lafadz yang berbeza-beza, namun ia mempunyai pengertian yang serupa di antara satu sama lain. Muhammad 'Imarah (2008: 10-12) telah menyenaraikan lapan lafadz lain bagi *aql* di dalam al-Quran iaitu; *qalb* (jantung) berjumlah 132 kali, *lub* (fikiran) berjumlah 16 kali, *nuha* (kepintaran) berjumlah 2 kali, *fikr* (fikiran) berjumlah 18 kali, *fiqh* (kefahaman) 20 kali, *tadabbur* (penghayatan) berjumlah 4 kali, *i'tibar* (pengajaran) berjumlah 7 kali dan *hikmah* (kebijaksanaan) berjumlah 17 kali. Di samping itu, sebilangan ayat al-Quran didapati mengakhiri sesuatu penerangan dengan menyeru manusia supaya berfikir menggunakan akal melalui lafadz; *afala ta'qilun* (apakah kamu tidak berakal?), *afala tatafkarun* (apakah kamu tidak berfikir) dan *afala tubsirun* (apakah kamu tidak memerhati?) ('Abd al-Halim Mahmud, T.th: 22; al-Qaradawi, 1996: 13-21). Ini membawa kepada pemahaman kita terhadap isyarat al-Quran mengenai akal bahawa akal yang dimaksudkan oleh al-Quran itu ialah aktiviti berfikir yang membawa kepada natijah yang benar.

Penjelasan di atas membuktikan bahawa Allah S.W.T. telah mengiktiraf akal sebagai salah satu sarana terpenting dalam memandu kehidupan mereka menjadi lebih sempurna. Ini kerana manusia berkemampuan menggunakan akal tersebut untuk menentukan perkara baik dan buruk sebagaimana digambarkan dalam surah al-Baqarah (2) ayat 44, al-An'am (6) ayat 151, al-Mulk (67) ayat 10 dan sebagainya lagi ('Abd al-Karim, 2000: 27). Malah hadis juga bersetuju menyatakan tentang kelebihan dan kepentingan akal sehingga dilaporkan bahawa lafadz *aql* telah disabdakan oleh Rasulullah SAW dianggarkan berjumlah 300 kali ('Ali Shalq, 1985: 170). Dalam hal ini, al-Harith al-Muhasibi (m. 243H) melalui karyanya *Ma'iyah al-'Aql* dan Ibn Abi al-Dunya (m. 281H) melalui karyanya *al-'Aql wa Fadilah* merupakan di antara ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah terawal berusaha membahaskan persoalan akal serta meriwayatkan hadis-hadis dan kata-kata para sahabat dan tabi'iin bertujuan mengangkat martabat akal sesuai dengan penilaian al-Quran dan Rasulullah SAW. Berikut sebahagian hadis yang menjelaskan tentang kelebihan akal berdasarkan riwayat dan lafadz dikemukakan al-Ghazali (2005:

1/104-1/107) dalam karyanya *Ihya' 'Ulum al-Din* sepermima berikut (bermaksud):

“Kejadian pertama yang dijadikan oleh Allah S.W.T. ialah akal. Diperintahkannya datang maka akal datang, kemudian diperintahkannya supaya pergi maka akal pergi. Kemudian Allah S.W.T. berfirman kepada akal: Demi kebesaran-Ku dan kemuliaan-Ku, tiada makhluk lain yang lebih mulia disisi-Ku daripada kejadianmu. Denganmu Aku mengambil dan memberi, denganmu juga Aku memberi pahala dan siksaan.”

“Tiada usaha seseorang seperti keutamaan akal yang memberi petunjuk kepada yang memiliki akal itu kepada petunjuk dan menjauhkannya dari jalan yang hina. Tidak sempurna iman seseorang dan tidak berdiri tegak agamanya sebelum akalnya itu sempurna.”

“Aisyah RA telah berkata: Aku pernah bertanya Rasulullah S.A.W.: Wahai Rasulullah, apakah yang menyebabkan manusia itu berbeza darjatnya di dalam kehidupan dunia ini? Jawab Baginda S.A.W.: Akal. Aku bertanya lagi: Bagaimana pula di dalam kehidupan akhirat nanti? Jawab Baginda S.A.W.: Akal juga. Aku berkata: Bukankah manusia itu dibalas menurut kadar amalan mereka? Jawab Baginda S.A.W.: Wahai Aisyah, bukankah mereka beramal melainkan menurut kadar akal yang dikurniakan oleh Allah kepada mereka? Maka berdasarkan kadar akal yang dianugerahkan ini merupakan amalan mereka dan berdasarkan kadar amalan itu pula mereka akan dibalas.”

“Tidak dijadikan oleh Allah S.W.T. suatu makhluk yang lebih mulia pada-Nya daripada akal.”

Walaupun beberapa hadis yang dikemukakan oleh al-Ghazali ini dipertikaikan statusnya oleh sebilangan pengkaji hadis, namun ia tidak menjadikan hadis-hadis tersebut tiada nilai langsung dalam menyatakan kelebihan akal. Ini kerana para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah telah menjelaskan sanad periyawatan hadis-hadis berkenaan, antaranya diusahakan oleh al-Zabidi (1989: 1/749-1/758) melalui karya *It'haf al-Sadah al-Muttaqin*. Bahkan sebilangan penulis kontemporari turut mempertahankan kedudukan al-Ghazali dalam ilmu hadis, sebagaimana beliau diiktiraf sebagai pakar dalam bidang-bidang lain seperti akidah, falsafah, fikah, tasawuf dan lain-lain (Mahdali, 1998: 113-142). Manakala hadis-hadis tersebut pula telah dikuatkan oleh nas-nas al-Quran sepermima dinyatakan di atas bagi menunjukkan bahawa tiada percanggahan di antara kedua-dua dalil *naqli* ini dalam menerangkan tentang akal fikiran manusia.

Rumusan menunjukkan bahawa Allah S.W.T. akan memimpin manusia sama ada melalui dalil *naqli* atau dalil *'aqli* berdasarkan kaedah-kaedah pembuktian hakikat ilmu, bahkan menggabungkan di antara kedua-duanya dalil tersebut adalah lebih memberikan keyakinan (al-Juwayni, 1996: 1/116-1/117). Contohnya, pembuktian tentang kewujudan Allah S.W.T. dibuktikan melalui dalil *naqli* (Muhammad (47): 19; al-An'am (6): 102) dan dalil *'aqli* mantik berdasarkan pemerhatian dan kajian manusia terhadap ciptaan alam semesta. Hal ini menjelaskan bahawa hubungan di antara wahyu dan akal adalah sangat kukuh dalam menghasilkan ilmu pengetahuan yang *jazm* terutamanya bagi mengukuhkan keimanan kepada Allah S.W.T. dan membentuk pemikiran umat Islam. Firman Allah S.W.T. bermaksud:

“Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat bagi kaum yang berakal. Tetapi orang-orang yang zalim, mereka mengikuti hawa nafsu tanpa ilmu pengetahuan.”

(al-Rum, 30: 28-29)

#### ■4.0 KEMAMPUAN DAN KETERBATASAN AKAL

Keupayaan akal bermula dengan mengetahui sesuatu perkara tertentu melalui deria yang dikurniakan-Nya, iaitu proses menyimpan memori di tempat khas sehingga sampai masa diperlukan. Apabila diperlukan untuk mengetahui sesuatu, ia akan merujuk semula segala maklumat yang tersimpan dan menyesuaikannya, sehingga seseorang manusia itu dapat mengetahui perkara dikehendaki sama ada secara *tasawwur* (gambaran) atau *tasdiq* (hukuman) dengan kaitan lain. Maka berfikir bermaksud menggunakan maklumat yang sedia tersimpan dalam memori untuk mengetahui sesuatu yang belum diketahui sama ada secara *tasawwur* atau *tasdiq* dengan menghubungkan perkara lain kepada akal. Kehendak dan pencarian akal dalam menerokai sesuatu yang belum diketahui tersebut dinamakan sebagai *nazar* (kajian). Maka difahami bahawa proses mengenali atau mengetahui sesuatu yang tidak diketahui bermula melalui deria akal yang diciptakan oleh Allah S.W.T. sebagai pengenalan bagi manusia (al-Khin & Muhyi al-Din, 1996: 77).

Hakikat kejadian akal manusia mempunyai keterbatasan tertentu, iaitu akal hanya berkemampuan menanggapi alam nyata pancaindera, sedangkan tidak bagi alam ghaib. Hal ini kerana kekuatan akal fikiran manusia terhad kepada menyatukan sesuatu gambaran, ingatan dan khayalan yang berada di hadapan mereka sahaja, bukan sesuatu hakikat di luar jangkauan pemikiran. Maka beberapa aspek akidah khususnya perihal ketuhanan melibatkan zat Allah S.W.T. turut dihubungkan dengan ketidakmampuan akal (al-Maydani, 1979: 19). Namun para ulama berselisih pandangan kepada dua kumpulan, satu golongan berpendapat bahawa hakikat zat Allah S.W.T. mampu diketahui oleh akal dan satu golongan lagi berpendapat sebaliknya. Kumpulan pertama diwakili oleh al-Baqillani, al-Haramain, al-Ghazali dan lain-lain menyatakan bahawa akal mempunyai keterbatasan tertentu terutamanya dalam mengetahui hakikat zat Allah S.W.T. Hal ini disebabkan akal manusia mempunyai pengakhiran, manakala zat Allah S.W.T. tiada berkesudahan, maka sudah tentu akal tidak dapat mengetahui hakikat perkara tersebut secara keseluruhan. Malah zat dan hakikat Allah S.W.T. adalah berbeza sama sekali daripada semua jenis zat dan hakikat selain-Nya, menjadikan setiap perkara yang diketahui daripada sifat-Nya tidak membawa kepada berlaku persamaan dengan makhluk ciptaan-Nya (al-Shafi'i, 2010: 28-30). Kenyataan ini dapat diperhatikan daripada beberapa sudut seperti sifat mendengar dan melihat Allah S.W.T. tidak menyerupai atau menyamai sebarang sifat mendengar dan melihat manusia.

Disebabkan itu Islam melarang umatnya daripada berfikir secara berlebih-lebihan tentang hakikat zat Allah S.W.T. kerana walaupun sepintar dan sehebat mana sekalipun seseorang itu, mereka sama sekali tidak mampu untuk menyingkap keagungan dan kebesaran zat Allah S.W.T. Perkara ini terjadi kerana akal manusia hanya termampu untuk menggambarkan beberapa perkara sahaja, antaranya berkaitan dengan masa dan tempat dalam menjelaskan sesuatu hakikat. Maka akal manusia lazimnya akan memahami sesuatu hakikat itu dengan menimbulkan persoalan ‘bila?’ bagi menggambarkan masa dan ‘di mana?’ bagi menggambarkan tempat (al-Maydani, 1979: 20). Contohnya, berkaitan persoalan di mana Allah S.W.T., akal manusia terbatas untuk memikirkan tentang hakikat zat Allah S.W.T. yang tidak bertempat disebabkan akal manusia hanya berkemampuan menggambarkan sesuatu itu semestinya mempunyai tempat atau kedudukan tertentu sahaja (al-Shura (42): 11; al-Baghdadi, T.th: 248). Sabda Rasulullah S.A.W. bermaksud:

"Fikirlah terhadap segala penciptaan Allah dan jangan berfikir tentang zat Allah."

(al-Hindi (5704), 1989: 3/106)

Manakala sebilangan ulama lagi menyatakan bahawa akal dapat mengetahui hakikat ketuhanan Allah S.W.T. kerana mereka menetapkan zat Allah S.W.T. dengan sifat-sifat kesempurnaan dan menafikan-Nya sifat-sifat kekurangan. Justeru, berlakunya *tasawwur* dalam akal manusia mengenai hakikat Allah S.W.T. dengan menyifatkan-Nya sifat-sifat kesempurnaan dan menafikan-Nya sifat-sifat kekurangan. Ia bertepatan dengan kaedah *al-Hukm Far'u al-Tasawwur* yang bermaksud pernyataan menghukum sesuatu perkara adalah hasil daripada gambaran yang menyeluruh terhadap sesuatu perkara tersebut. Malah sekiranya kewujudan zat Allah S.W.T. adalah menjadi bukti kepada wujud-Nya, maka apabila wujud-Nya dimaklumi, sudah tentu zat-Nya juga diketahui. Namun perselisihan ini menurut al-Amidi (T.th: 1/143) hanyalah khilaf *lafzi*, maka tidak boleh menjadikan khilaf tersebut sebagai penghalang serta tidak memanjangkan pertelagahan disebabkan hujah-hujah yang pelbagai. Menurut al-Amidi lagi, kedua-dua golongan adalah benar, tetapi dengan syarat golongan pertama tidak menafikan secara mutlak mengenai pengetahuan manusia ke atas zat Allah S.W.T., manakala golongan kedua tidak mendakwa manusia dapat mengetahui keseluruhan hakikat zat Allah S.W.T. (al-Shafi'i, 1998: 198-201).

Selain itu, ketidakmampuan akal turut ditunjukkan dengan perkara-perkara berkaitan akidah *sam'iyyat* meliputi persoalan kiamat, dosa, pahala, syurga, neraka dan lain-lain, serta hukum-hakam fikih meliputi haram, halal, wajib, sunat dan lain-lain, atau perilaku akhlak manusia meliputi sifat-sifat *madhmumah* dan *makhmudah*. Segala ketetapan ini telah ditentukan oleh dalil *naqli* dan tiada ruang bagi akal membahaskannya melainkan sekadar menguatkan atau menjelaskan hikmah-hikmah perkara tersebut sahaja. Jika akal dibenarkan mencampuri dasar agama, mungkin sesuatu masalah dianggap harus atau halal pada perhitungan seseorang, manakala dianggap haram pula oleh seseorang yang lain. Setiap manusia akan mendakwa pegangan mereka adalah benar dan pegangan manusia lain adalah salah. Adapun selain daripada semua hal ini, Islam tidak menghalang manusia daripada terus berfikir menggunakan akal fikiran dalam memperolehi sesuatu keputusan. Bahkan akal manusia berkemampuan meneliti dan mengkaji tabiat semulajadi alam semesta merangkumi langit, bumi, manusia, binatang, lautan dan lain-lain dalam menghubungkan dengan pencipta Allah S.W.T. ('Abd al-Halim Mahmud, T.th: 29-30). Berkata Imam al-Shafi'i bermaksud:

"Sesungguhnya akal fikiran manusia adalah terbatas jangkaannya, sebagaimana terbatasnya pancaindera penglihatan mata terhadap sesuatu perkara."

(Abi Hatim al-Razi, 2003: 4/207)

Kenyataan Imam al-Shafi'i ini menjelaskan bahawa akal mempunyai keterbatasan tertentu dalam menentukan sesuatu hakikat di luar kemampuan pemikiran manusia. Keterbatasan akal turut diakui oleh Socrates dan beberapa tokoh Phytogores ketika mereka membincangkan tentang kesudahan roh selepas mati. Ini kerana kesimpulan dihasilkan masih memerlukan pembuktian lain agar ia memberikan keputusan sehingga mampu menatijahkan hakikat keyakinan. Mereka berduakacita kerana wahyu tidak diturunkan pada masa tersebut untuk menjelaskan perihal perkara-perkara ghaib di antaranya persoalan roh dan kematian ('Abd al-Halim Mahmud, T.th: 89). Sedangkan hakikat dan pengetahuan tentang roh sebagaimana dilaporkan oleh al-Quran merupakan di antara rahsia Allah

S.W.T. yang tidak diketahui oleh manusia melainkan sedikit sahaja dikhabarkan-Nya (al-Isra' (17): 85). Maka kisah dinukilkan ini adalah bukti jelas menunjukkan bahawa akal mempunyai kemampuan dan keterbatasan tertentu dalam membahaskan sesuatu persoalan terutamanya berkaitan permasalahan agama Islam.

## ■5.0 KEDUDUKAN AKAL MENURUT MU'TAZILAH DAN HASHAWIYYAH

Sorotan sejarah kemunculan beberapa aliran pemikiran Islam memperlihatkan kepada kita kepelbagaiannya pendapat berkaitan kedudukan akal dalam membahaskan persoalan akidah. Titik persamaan di antara aliran-aliran pemikiran tersebut seperti Ash'a'irah, Maturidiyyah, Mu'atazilah dan ahli Falsafah adalah berdasarkan penggunaan metodologi akal, kecuali aliran Hashawiyyah. Namun didapati perbezaan di antara aliran yang menerima akal dalam pendalilan tersebut berdasarkan tahap kebergantungan sesuatu hakikat kepada penggunaan akal. Sebahagian mereka terlalu berlebih-lebihan menerima akal dalam persoalan akidah sehingga menafikan peranan *naqli* sepertimana Mu'tazilah. Manakala Hashawiyyah pula berpandangan sebaliknya kerana kecenderungan mereka menolak peranan akal secara mutlak (al-Shafi'i, 1998: 118). Pendirian kedua-dua aliran mazhab ini sama ada Mu'atazilah atau Hashawiyyah dilihat terlalu ekstrem sehingga mengabaikan salah satu daripada sumber pendalilan akidah Islam.

Hashawiyyah bukanlah merujuk kepada sesuatu golongan atau aliran tertentu, bahkan ia terdiri daripada kumpulan-kumpulan yang berbeza tetapi mempunyai ideologi yang sama, iaitu mereka terlalu taksub dengan nas-nas al-Quran dan hadis sehingga memahami nas-nas tersebut secara literal. Mereka menyeru supaya menerima setiap perkara dan maklumat tanpa membuat sebarang penelitian, pengkajian dan pengesahan, lebih-lebih lagi maklumat itu daripada sumber-sumber al-Quran dan hadis (al-Shafi'i, 1991: 78). Selain itu, aliran Hashawiyyah juga dikenali sebagai sekumpulan ahli hadis yang berfahaman dengan akidah Mujassimah atau Mushabbihah sehingga menjisimkan atau menyerupakan Allah S.W.T. dengan makhluk-Nya ketika berinteraksi dengan nas-nas sifat *mutashabihat* (al-Sharastani, 1993: 1/120; al-Ghumari, 2007: 24). Namun mereka sering berselindung di sebalik nama Salaf dalam membenarkan setiap kata-kata dan pendirian mereka (al-'Iz al-Din 'Abd al-Salam, 1995: 16).

Ibn Rushd (2007: 101) ketika membahaskan tentang Hashawiyyah ini menyatakan bahawa jalan mengenal wujud Allah S.W.T. menurut Hashawiyyah hanyalah melalui wahyu sahaja dan bukan dengan akal. Ini bermaksud beriman dengan kewujudan Allah S.W.T. hanyalah melalui wahyu semata-mata sepertimana beriman dengan perkara-perkara ghaib seperti hari kiamat, syurga, neraka dan sebagainya lagi. Ibn Rushd turut mengkritik golongan ini dengan menyatakan kesesatan mereka disebabkan ketidakfahaman mereka tentang kehendak Allah S.W.T.. Ini kerana Allah S.W.T. telah membuka ruang yang luas untuk manusia mengenal-Nya, sebagaimana disebutkan dalam al-Quran dan hadis, iaitu seruan supaya manusia menggunakan akal untuk tujuan tersebut (al-Amidi, 2007: 2/217). Justeru, Hasan al-Shafi'i (1991: 77-78) telah merumuskan tentang pendirian dan ciri-ciri Hashawiyyah berkaitan kedudukan pendalilan akal sebagaimana berikut: i) Hashawiyyah bergantung sepenuhnya kepada nas al-Quran dan hadis semata-mata, lebih-lebih lagi berkaitan dengan persoalan akidah sehingga menafikan peranan akal. ii) Hashawiyyah beranggapan bahawa nas-nas al-Quran dan hadis melarang menggunakan akal dalam persoalan akidah. Namun hakikatnya al-Quran

sendiri membuat gesaan agar manusia berfikir melalui akal berdasarkan ciptaan-Nya dalam memperolehi keimanan. iii) Hashawiyah cenderung memahami nas-nas al-Quran dan hadis secara literal sehingga membawa kepada *tajsim* dan *tashbih* kepada Allah S.W.T. Hal ini menjadikan mereka di antara aliran terkehadapan dalam menanam fahaman Mujassimah atau Mushabbihah dalam akidah Islam.

Manakala Mu'tazilah pula muncul ketika zaman Bani 'Umaiyyah, tetapi giat menonjolkan fahaman mereka ketika zaman Bani 'Abbasiyah yang dipelopori oleh Wasil bin 'Ata'. Beliau keluar dari menjadi pengikut Imam Hasan al-Basri (m. 110H) setelah berlaku perdebatan dengan gurunya itu tentang permasalahan pelaku dosa besar. Wasil bin 'Ata' berpendapat bahawa pelaku dosa besar berada di antara dua keadaan iaitu bukan *mu'min* dan bukan juga kafir (Abu Zahrah, 1996: 124). Mu'tazilah antara aliran pemikiran yang mendapat dokongan kuat Khalifah al-Ma'mun, al-Mu'tasim dan al-Wathiq selaku pemerintah pada zaman Bani 'Abbasiyah (al-'Amraji, 2000: 164). Mu'tazilah berpegang kepada lima prinsip utama iaitu: 1. *Al-Tawhid*. 2. *Al-'Adl*. 3. *Al-Wa'd wa al-Wa'id*. 4. *Al-Manzilah baina al-Manzilatain*. 5. *Al-Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahi 'an al-Munkar* (al-Maghribi, 1995: 203).

Mu'tazilah berpendirian bahawa persoalan akal merupakan isu yang paling asas dan ia dianggap sebagai satu mekanisme terpenting dalam penetapan akidah seseorang Islam. Mereka menyatakan sekiranya terdapat pertentangan di antara dalil '*aqli*' dengan dalil '*nagli*' maka mereka akan mendahulukan keutamaan dalil '*aqli*' (Kamal al-Din, 2011: 95). Bahkan mereka berpendapat adalah menjadi suatu kewajipan dan kemestian bagi setiap manusia untuk berfikir menggunakan akal dalam permasalahan akidah tanpa membezakan di antara manusia yang mempunyai akal tajam atau tidak. Ini kerana akal menurut mereka mampu untuk memahami nas-nas al-Quran atau hadis sehingga dapat mencapai perkara yang diputuskan oleh wahyu. Ketetapan tersebut menyebabkan Mu'tazilah menetapkan wajib mentakwilkan nas-nas sifat *mutashabihat* dan mendirikan keimanan di atas asas-asas akal yang jelas (Kamal al-Din, 2011: 98).

Mu'tazilah juga berpandangan akal tidak sekali-kali akan melakukan kesalahan dan tidak membawa kepada kesesatan berdasarkan kaedah-kaedah berfikir ahli falsafah Greek (Kamal al-Din, 2011: 96). Pendapat sedemikian dikemukakan oleh al-Qadi 'Abd al-Jabar (T.th: 12/151) dengan katanya pendapat yang menyatakan harus berlaku kesalahan berfikir oleh akal manusia adalah merupakan suatu kekeliruan yang perlu ditolak dan tidak diterima sama sekali. Kebebasan akal bagi Mu'tazilah berkaitan rapat dengan isu yang lebih besar iaitu kebebasan manusia dalam mengerjakan perbuatan mereka sendiri. Maka *ma'rifah*, menurut Mu'tazilah, mempunyai kaitan rapat dengan kebebasan manusia dengan membahagikan pengetahuan kepada tiga bahagian iaitu: i. pengetahuan mengenai pencipta jalannya adalah melalui akal dan hati, ii. pengetahuan mengenai ibadat iaitu hukum halal, haram jalannya adalah melalui rasul dan wahyu, iii. pengetahuan yang diperolehi melalui pengalaman manusia jalannya adalah melalui pengalaman manusia iaitu usaha (Kamal al-Din, 2011: 99).

Pegangan ini menunjukkan golongan Mu'tazilah hanya bergantung kepada akal dalam perkara akidah khususnya berkaitan mengenal Allah S.W.T. Namun pengetahuan mengenai hukum-hakam fikah adalah melalui wahyu semata-mata sehingga akal dilihat sebagai tidak mempunyai peranan dalam menentukannya kerana ia bukanlah bidang tugas akal. Malah Mu'tazilah dikatakan bergantung dengan metodologi akal sebagai dalil utama kerana akal manusia dapat mengetahui kewujudan Allah S.W.T., mengetahui Allah S.W.T. itu Maha Berkusa, Maha Mengetahui dan sebagainya. Malah dengan

akal juga manusia mengetahui al-Quran adalah *Kalam Allah* S.W.T., Nabi Muhammad S.A.W. adalah utusan Allah S.W.T. Pengambilan akal sebagai dalil utama bagi Mu'tazilah kerana konsep mereka dalam menghubungkan dua perkara seperti wujud dengan yang mewujudkan dan sebab dengan natijah (Kamal al-Din, 2011: 97).

## ■6.0 KEDUDUKAN AKAL MENURUT AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH

Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah menyatakan bahawa semua kewajipan agama hanya boleh diketahui melalui al-Quran dan hadis sahaja. Sedangkan berkaitan dengan memperolehi keyakinan pula hanya dapat diperolehi dengan kekuatan akal fikiran (al-Taftazani, T.th.: 153). Mereka mempunyai pandangan khusus mengenai peranan akal berkaitan dengan pendalilan akidah iaitu mereka mengambil sikap pertengahan serta tidak berlebih-lebihan dalam menerima atau menolak sebagaimana sikap Mu'tazilah dan Hashawiyah. Al-Ghazali (1994: 21) menjelaskan bahawa keharusan menggunakan akal dalam mengemukakan hakikat-hakikat kepercayaan yang terkandung dalam dalil *naqli* mestilah mempunyai peraturan-peraturan tertentu seperti akal tidak mendahului dalil-dalil *naqli*. Berdasarkan ketetapan tersebut, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah khususnya Asha'irah dan Maturidiyyah telah menetapkan peranan akal dalam mengukuhkan pendalilan akidah sepetimana berikut:

**Pertama:** Umat Islam wajib berfikir (*nazar*) berdasarkan dalil-dalil syarak.

Pendapat Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah ini menyamai dengan Mu'tazilah dengan mewajibkan *nazar* untuk mengenal Allah S.W.T., malah menurut al-Iji dan al-Jurjani, perkara ini telah menjadi *ijma'* dalam kedua-dua mazhab ini (al-Jurjani, 1998: 1/257). Malah mereka tidak bersepakat dari sudut kaedah mewajibkan *nazar* kerana Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah berpandangan bahawa manusia diwajibkan *nazar* berdasarkan syarak, manakala Mu'tazilah pula menyatakan kewajipan *nazar* adalah melalui akal, maka akal yang memutuskan bahawa manusia itu wajib berfikir dalam mengenal Allah S.W.T. (al-Jurjani, 1998: 1/257; al-Juwaini, 1950: 8). Dalam hal ini, al-Juwaini membatakan kaedah untuk mengenal Allah S.W.T. hanyalah dengan *nazar* dan menafikan *daruri* iaitu tanpa berfikir (al-Juwaini, 1950: 11). Pendapat ini menghampiri pandangan al-Amidi yang menyatakan bahawa jalan untuk mengenal Allah S.W.T. sama ada melalui *nazar* atau *daruri* sahaja. Namun al-Amidi menyimpulkan bahawa wajib mengenal Allah S.W.T. melalui *nazar* sahaja dan mustahil ianya berlaku berdasarkan *daruri*. Mereka berdua berhujah adalah mustahil mengenal Allah S.W.T. dengan *daruri* kerana jika dalam diri manusia tidak mempunyai kemampuan untuk berfikir maka tidak akan wujud sebarang ilmu pada diri mereka, sedangkan *daruri* tidak memperkatakan tentang perkara tersebut (al-Amidi, 2007: 1/156).

Perselisihan ini hanya disebabkan perbezaan mereka dalam menentukan tahap *daruri* sesuatu ilmu tersebut. Bagi mereka yang menganggap *daruri* itu bukanlah terdiri daripada pengetahuan maka mereka tidak membenarkan mengenal Allah S.W.T. melalui *daruri*, manakala bagi mereka yang menganggap *daruri* sebagai satu ilmu pengetahuan maka mereka membolehkan mengenal Allah dengan *daruri*. Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah berhujah dengan dalil al-Quran berikut (bermaksud):

“Katakanlah: Perhatikanlah apa yang ada di langit dan di bumi. Tidaklah bermanfaat tanda kekuasaan Allah dan rasul-rasul yang memberi peringatan bagi orang-orang yang tidak beriman.”

(Yunus, 10: 101)

“Maka perhatikanlah bekas-bekas rahmat Allah, bagaimana Allah menghidupkan bumi yang sudah mati. Sesungguhnya (Tuhan yang berkuasa seperti) demikian benar-benar (berkuasa) menghidupkan orang-orang yang telah mati dan dia Maha Kuasa atas segala sesuatu.”

(al-Rum, 30: 50)

Dalil-dalil yang dinyatakan oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di atas jelas menunjukkan suruhan daripada Allah S.W.T. supaya manusia berfikir dengan melihat kepada kejadian dan ciptaan-Nya di muka bumi ini. Pemerhatian yang disertai dengan berfikir tersebut mampu membawa mereka untuk mengenal Allah S.W.T. secara lebih dekat sehingga menjadikan hati bertambah keyakinan terhadap kewujudan dan kekuasaan Allah S.W.T.

**Kedua:** Keberhasilan ilmu selepas *nazar* adalah mengikut hukum adat.

Manusia yang berakal apabila mempunyai kemampuan untuk berfikir dengan betul, menjadi suatu kewajipan bagi mereka untuk mencari ilmu, sepetimana juga kelaziman orang yang memakan makanan kerana disebabkan lapar, kerana Allah S.W.T. menjadikan kekenyangan dari aspek adatnya selepas manusia mengambil makanan. Kemungkinan Allah S.W.T. menjadikan kekenyangan bagi manusia tanpa perlu kepada makanan dan minuman. Oleh itu, kebanyakan ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah terutamanya dalam kalangan al-Asha'irah seperti al-Ash'ari, al-Juwaini, al-Razi, al-Amidi, al-Iji dan al-Jurjani berpegang bahawa keberhasilan ilmu selepas *nazar* secara sahih adalah susunan yang mengikut hukum adat (al-'Inanizah, 2009: 76-77).

Pendapat ini adalah berdasarkan kepada prinsip al-Asha'irah bahawa hanya Allah S.W.T. sahaja yang memberi kesan (*mua'thir wahid*) dan selain-Nya semuanya ditetapkan sebagai penerima kesan (al-Jurjani, 1998: 1/249). Ia bermaksud tiada pencipta lain selain daripada Allah S.W.T., maka apa-apa sahaja yang berlaku pada alam ini kepada sistem-sistemnya adalah disebabkan dan digerakkan oleh *Qudrat* dan *Iradah* Allah S.W.T. Hal ini menunjukkan juga bahawa Allah S.W.T. sahaja yang berkuasa menghentikan segala sistem yang terdapat di alam ini dan hukum adat tersebut. Malah bukti yang menunjukkan bukanlah air yang menghilangkan dahaga, api bersentuhan yang membakar adalah berdasarkan kepada boleh terjadinya *takhalf* sepetimana api tidak membakar Nabi Ibrahim AS (al-Anbiya' (21): 68-69). Oleh itu, jika *nazar* dapat menghasilkan ilmu maka akan menyebabkan berlakunya persamaan di antara makhluk dan Allah S.W.T. Perkara ini adalah mustahil memandangkan Allah S.W.T. adalah pencipta, manakala makhluk adalah yang diciptakan-Nya dengan diberikan mereka pilihan usaha.

**Ketiga:** Tiada hukum sebelum datangnya wahyu.

Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah berpegang bahawa akal tidak boleh mengetahui sesuatu hukum yang berkaitan dengan pahala dan dosa kecuali dengan datangnya wahyu. Pegangan ini menunjukkan akal mempunyai tahap keterbatasan dalam pendalilan akidah. Akal tidak boleh berperanan dalam perkara-perkara yang mele过asi tahap keterbatasan tersebut. Prinsip ini adalah pegangan yang terpenting dalam pendalilan akal sekitar

persoalan akidah (al-'Inanizah, 2009: 78). Antara dalil al-Quran yang mengukuhkan prinsip ini ialah (bermaksud):

“Barangsiaapa yang berbuat sesuai dengan hidayah (Allah), maka sesungguhnya dia berbuat itu untuk (keselamatan) dirinya sendiri; dan barangsiapa yang sesat maka sesungguhnya dia tersesat bagi (kerugian) dirinya sendiri. Dan seorang yang berdosa tidak dapat memikul dosa orang lain, dan Kami tidak akan mengazab sebelum Kami mengutus seorang rasul.”

(al-Isrā', 17: 15)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa manusia tidak akan diazab sekiranya mereka tidak diutuskan rasul. Hal ini bermaksud tiada hukum wajib atau haram kerana azab hanya akan dilaksanakan kerana meninggalkan perkara yang wajib. Maka akal tidak berperanan dalam menentukan hukum seperti mengharamkan dan mewajibkan sesuatu perkara seligima tidak ditentukan oleh Allah S.W.T. Sekiranya akal mempunyai peranan dalam perkara ini, sudah tentu Allah S.W.T. akan berfirman sepetimana berikut: “Kami tidak akan mengazab kamu sehingga Kita mengurniakan kepada kamu akal” (al-Amidi, 2007: 2/146). Begitu juga firman Allah S.W.T. bermaksud:

“(Mereka Kami utus) selaku rasul-rasul pembawa berita gembira dan pemberi peringatan agar supaya tidak ada alasan bagi manusia membantah Allah sesudah diutusnya rasul-rasul itu. Dan adalah Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.”

(al-Nisa', 4: 165)

Selain itu, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah turut menggunakan akal dengan menyatakan bahawa akal tidak mampu mengetahui hukum seperti wajib dan haram kerana hukum ini hanya ditentukan oleh kebebasan syarak. Ini kerana akal apabila menghukum sesuatu seperti menghukum solat itu wajib, sudah tentu akal menghukum perkara ini untuk tujuan faedah tertentu ataupun tidak semata-mata. Sekiranya solat didapati tidak mempunyai faedah, akal tidak mewajibkan perkara yang sia-sia tersebut, dan sekiranya diwajibkan solat kerana mempunyai faedah sama ada kepada Allah S.W.T. atau kepada hamba, maka mustahil faedah itu kembali kepada Allah S.W.T. Hakikatnya faedah tersebut adalah untuk hamba sama ada mereka masih di dunia atau telah berada di alam akhirat. Akal tidak boleh mengatakan faedah tersebut untuk hamba kerana akal mendapati solat dan kewajipan lain hanyalah mendatangkan kepenatan. Begitu juga akal tidak boleh mengatakan faedah tersebut pada hari akhirat kerana akal tidak langsung mengetahui mengenai hari akhirat kecuali mengetahuinya hanya apabila dikhabarkan oleh wahyu (al-Amidi, 2007: 1/168; al-Ghazali, 2004: 106).

**Keempat:** Pembahagian dalil dalam akidah.

Secara asasnya Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah membahagikan dalil dalam akidah kepada tiga bahagian, iaitu:

1. Dalil '*aqli* sahaja, iaitu semua mukaddimah (premis) dalil adalah akal. Bagi bahagian ini kesemua mukaddimah adalah yakin, maka natijah (keputusan) juga adalah yakin.
2. Dalil *naqli* dan '*aqli*, iaitu sebahagian daripada mukaddimah adalah *naqli* dan sebahagian yang lain adalah '*aqli*. Dalil ini masyhur diterima oleh para ulama, bahkan ia merupakan titik kesepakatan kesemua aliran pemikiran akidah, namun mereka berbeza hanya dari sudut penamaan sahaja.
3. Dalil *naqli* sahaja, iaitu semua mukaddimah adalah *naqli*. Bentuk dalil ini tidak dapat dibayangkan kewujudannya kerana

bagi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah kewujudannya adalah suatu yang mustahil. Ini kerana kesahihan dan pengisbatan syarak tidak dapat dipisahkan daripada akal.

Beriman dengan al-Quran dan sunnah berdasarkan pendalilan daripada kedua-dua sumber tersebut berada dalam pengetahuan dan kebenaran Rasulullah S.A.W., manakala pengetahuan ini tidak berhasil kecuali dengan akal. Ini kerana mukjizat adalah petunjuk kepada kebenaran rasul dengan pendalilan akal, bukannya dengan *naqli*. Dalam hal ini, akal adalah asas kepada syarak menurut Mu'tazilah, dan syarak memerlukan kepada akal menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (al-'Inanizah, 2009: 79-80). Perkara ini menjadi faktor terbesar wujudnya perbezaan metodologi di antara Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan Mu'tazilah.

**Kelima:** Perkara yang bertentangan dengan akal (*mu'arid al-'aqli*)

*Mu'arid al-'aqli* ialah perkara yang dihukumkan oleh akal secara *qat'i* (*al-qawati' al-'aqliyyah*) yang bertentangan dengan zahir nas-nas sehingga membawa kepada kesamaran pada maksudnya. Apabila berlakunya pertentangan di antara kedua-dua perkara ini, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah akan mendahulukan *al-qawati' al-'aqliyyah* kemudian mentakwilkan nas-nas tersebut sesuai dengan pemahaman manusia. Apabila akal menghukum sesuatu perkara dengan mustahil maka hendaklah ditakwilkan makna zahir nas-nas tersebut agar tiada pertentangan dengan maksud difahami. Hal ini disebabkan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah berpendapat bahawa mustahil wahyu yang mengandungi perkara *qat'i* diturunkan oleh Allah S.W.T. bertentangan *al-qawati' al-'aqliyyah* tersebut (al-Ghazali, 2004: 116; al-Jurjani, 1998: 2/53-2/54). Contohnya, firman Allah S.W.T. bermaksud:

"Iaitu al-Rahman (Allah) beristiwa (bersemayam) di atas Arasy."

(Taha, 20: 5)

Ayat di atas bermaksud Allah S.W.T. bersemayam atau duduk di atas Arasy, akal memutuskan perkara ini adalah mustahil berlaku pada Allah S.W.T., maka menjadi kemestian untuk mentakwilkan lafadz tersebut dengan takwilan *kināyah* atau *majaz* yang membawa pengertian menguasai atau memiliki (al-Jurjani, 1998: 2/54). Namun ia bukan suatu bentuk pendustaan terhadap sifat-sifat Allah S.W.T. sebagaimana dimaksudkan oleh Mu'tazilah ketika berinteraksi dengan nas-nas *mutashabihat*. Adapun mengenai nas-nas yang menjelaskan perkara-perkara harus bagi akal, wajib bagi akal membenarkannya sama ada perkara tersebut berbentuk *zan* maka diterima sebagai *zan*, atau perkara tersebut *qat'i* diterima sebagai *qat'i* (*al-Ghazali*, 2004: 115-116).

Walaupun dimaklumi bahawa pendirian Asha'irah dan Maturidiyyah dalam pelbagai persoalan akidah khususnya tentang kedudukan akal adalah mempunyai banyak persamaan, namun terdapat juga sedikit perbezaan yang tidak begitu ketara di antara kedua-dua aliran ini. Menurut al-Subki (T.th: 3/378), perselisihan yang berlaku di antara Asha'irah dan Maturidiyyah hanya dalam 13 masalah sahaja, enam berkaitan dengan perbezaan makna dan selebihnya berkaitan dengan perbezaan lafadz. Tetapi apa yang jelas ialah Asha'irah dan Maturidiyyah berusaha menetapkan akidah yang dikemukakan oleh al-Quran serta hadis berdasarkan kepada akal dan bukti-bukti yang diyakini. Namun jika diperhatikan pada awal kurun ketiga Hijrah, pandangan Maturidiyyah dikatakan mirip kepada Mu'tazilah sehinggakan al-Kawthari menyatakan bahawa

kedudukan Asha'irah adalah di antara Mu'tazilah dengan ahli hadis, manakala kedudukan Maturidiyyah adalah di antara Mu'tazilah dengan Asha'irah (Abu Zahrah, 1996:181; Kamal al-Din, 2011: 144).

Rumusan ini menunjukkan tahap pergantungan Maturidiyyah kepada akal lebih daripada Asha'irah dan pada yang sama kurang sedikit daripada Mu'tazilah. Maturidiyyah mendahulukan '*aqli* daripada *naqli* seperti mana Mu'tazilah, namun pada masa yang sama mereka mengiktiraf *naqli* sebagai sumber utama manusia dalam menetapkan akidah keyakinan khususnya berkaitan alam ghaib (Kamal al-Din, 2011: 144). Maturidiyyah berpendapat akal manusia mampu mengenal tuhan mereka dengan sendirinya, tetapi berkaitan persoalan ibadah maka akal tidak mampu berbuat demikian. Ini kerana terdapat banyak saranan di dalam al-Quran yang menyeru manusia berfikir mengenai fenomena alam yang membawa mereka mengenal Allah S.W.T. Oleh itu, mereka berpendapat sekiranya akal manusia tersebut bersih daripada hawa nafsu dan *taqlid*, nescaya mereka akan sampai kepada tahap beriman kepada Allah S.W.T. dengan hanya berfikir (Abu Zahrah, 1996: 181).

## ■7.0 KESIMPULAN

Dalil akal merupakan salah satu daripada sumber pendalilan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah selain daripada al-Quran dan hadis. Akal ialah sesuatu sifat untuk membezakan di antara manusia dan makhluk-makhluk lain sehingga ia dimaklumi sebagai *gharizah* yang disediakan untuk mengetahui pelbagai ilmu *nazariyyah*. Kelebihan akal tersebut didapati bertepatan dengan al-Quran dan hadis yang turut memperakui peranan akal kepada manusia sebagai panduan dalam kehidupan mereka. Namun akal juga mempunyai had batasan kemampuan dalam memperkatakan sesuatu terutamanya berkaitan hakikat zat Allah S.W.T. dan perkara hukum-hakam fikah. Akal manusia boleh mengisbatkan kewujudan dan keesaan Allah S.W.T. melalui pemerhatian dan kajian mereka terhadap alam ciptaan-Nya.

Selain itu, pendekatan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dalam menerima pendalilan akal adalah didasari oleh hujah tersendiri bagi membezakannya mereka dengan Mu'tazilah dan Hashawiyyah. Ini kerana Mu'tazilah berlebih-lebihan dalam menerima akal, manakala Hashawiyyah pula berlebih-lebihan dalam menolak akal. Penjelasan berkenaan sekaligus menangkis kritikan sebilangan umat Islam yang mendakwa bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah khususnya Asha'irah dan Maturidiyyah mengambil pemikiran Mu'tazilah. Malah kejumudan Hashawiyyah dalam menolak sepenuhnya peranan akal adalah menyalahi seruan al-Quran dan hadis supaya menggunakan akal dalam membuktikan akidah ketuhanan Allah S.W.T. Bahkan penolakan dan penerimaan akal secara keterlaluan ini akan menimbulkan implikasi tidak baik terhadap akidah Islam. Pendirian Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dalam hal ini merupakan sikap *wasatiyyah* (pertengahan) sebagaimana disabdakan oleh Rasulullah S.A.W. bagi menggambarkan keadaan umat Islam sebenar.

## Rujukan

- 'Abd al-Halim Mahmud. T.th. *Al-Islam wa al-'Aql*. Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- 'Abd al-Karim Nawfan 'Abiydat. 2000. *Al-Dilalah al-'Aqliyyah fi al-Quran*. Urdun: Dar al-Nafa'is.
- 'Ali Shalq. 1985. *Al-'Aql fi Majra al-Tarikh: Qabl al-Islam wa Ba'duh*. Bayrut: Dar al-al-Mada.

- Abi Hatim al-Razi, Abi Muhammad 'Abd al-Rahman. 2003. *Adab al-Shafi'i wa Manaqib*. Tahqiq: Muhammad Zahid al-Kawthari. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu Zahrah, Muhammad. 1996. *Tarikh al-Madhabib al-Islamiyyah*. Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- al-'Amraji, Ahmad Shauqi Ibrahim. 2000. *Al-Mu'tazilah fi Baghdad wa Atharuhum fi al-Hayat al-Fikriyyah wa al-Siyasiyyah*. Qahirah: Maktabah al-Madbuli.
- al-'Inanizah, Dhif Allah Ahmad. 2009. *Al-Dalil al-'Aqli fi al-'Aqidah 'Ind al-Madaris al-Islamiyyah*. Urdun: al-Jami'ah al-Urduniyyah.
- al-'Iz al-Din 'Abd al-Salam. 1995. *Rasail fi al-Tawhid*. Tahqiq: Ayadakhalid al-Taba'. Damshiq: Dar al-Fikr.
- al-Amidi, 'Ali bin Abi 'Ali bin Muhammad bin Salim. 2007. *Abkar al-Afkar fi Usul al-Din*. Tahqiq: Ahmad Muhammad al-Mahdi. Qahirah: Dar al-Kitab wa al-Watha'iq al-Qawmiyyah.
- al-Asfahani, Abi al-Qasim Isma'il bin Muhammad. T.th. *Al-Hujjah fi Bayan al-Mahajjah wa Sharh 'Aqidah Ahl al-Sunnah*. Tahqiq: Muhammad bin Mahmud Abu Rahim. T.t.p: Dar al-Rayah.
- al-Ash'ari, Abi al-Hasan 'Ali bin Isma'il. 1995. *Risalah fi al-Istihsan al-Khawd fi 'Ilm al-Kalam*. Tahqiq: Muhammad al-Waly al-Ash'ari al-Qadiri al-Rifa'i. Beirut: Dar al-Mashari'.
- al-Baghdadi, Abu Mansur 'Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad. T.th. *Al-Farqu Baina al-Firaq*. Tahqiq: Muhammad Muhyi al-Din 'Abd al-Hamid. Qahirah: Dar al-Tala'i'.
- al-Banna, Hasan. 1421H. *Al-'Aqaid*. Tahqiq: Ridwan Muhammad Ridwan. Iskandariyyah: Dar al-Dawah.
- al-Baqillani, Abu Bakar bin al-Tayyib. 2009. *Al-Insaf*. Dalam Muhammad Zahid al-Kawthari. "Al-'Aqidah wa Ilm al-Kalam". Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bayjuri, Ibrahim bin Muhammad bin Ahmad. 2001. *Tuhfah al-Murid*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Duri, Qahtan 'Abd al-Rahman. 2012. *Al-'Aqidah al-Islamiyyah wa Madhahibuhu*. Beirut: Kitab Nashirun.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1994. *Al-Iqtisad fi al-'Itiqad*. Tahqiq: Muwaffaq Fauzi al-Jabri. Damshiq: al-Hikmah.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 2005. *Ihya 'Ulum al-Din*. Tahqiq: Muhammad Sa'id Muhammad. Qahirah: Dar al-Bayan al-'Arabi.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. T.th. *Al-Risalah al-Laduniyyah*. "Majmu'ah Rasail al-Imam al-Ghazali". Tahqiq: Ibrahim Amin Muhammad. Qahirah: al-Maktabah al-Taufiqiyyah.
- al-Ghumari, 'Abd Allah al-Siddiq. 2007. *Itqan al-San'ah fi Tahqiq Ma'n al-Bid'ah*. Qahirah: Maktabah al-Qahirah.
- al-Harith al-Muhasibi. 1971. *Ma'iyah al-'Aql*. Tahqiq: Hasain al-Quwatili. Damshiq: Dar al-Fikr.
- al-Hindi, 'Ali al-Din Muttaqi bin Hisham al-Din. 1989. *Kanz al-'Ummal fi Sunan al-Aqwal wa al-Af'al*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Jawhari, Isma'il bin Hamad. 2007. *Mu'jam al-Sihah*. Tahqiq: Khalil Ma'mun Shayha. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Jurhani, 'Ali bin Muhammad bin 'Ali. 1998. *Sharh al-Mawaqif*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Juwaini, 'Abd al-Malk bin 'Abd Allah bin Yusuf. 1950. *Al-Irshad Ila Qawati' al-Adlah fi Usul al-'Itiqad*. Tahqiq: Muhammad Yusuf Musa & 'Ali 'Abd al-Mun'im 'Abd al-Hamid. Misr: Maktabah al-Khaniji.
- al-Juwaini, 'Abd al-Malk bin 'Abd Allah bin Yusuf. 1996. *Al-Talkhis fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- al-Khin, Mustafa Sa'id & Muhyi al-Din Dib Mistu. 1996. *Al-'Aqidah al-Islamiyyah: Arkanuha Haqa'iquha Mufsidatuha*. Beirut: Dar al-Kalim al-Tayyib.
- al-Maghribi, 'Ali 'Abd al-Fatah. 1995. *Al-Firaq al-Kalamiyah al-Islamiyyah*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
- al-Mahdali, al-Sayyid Muhammad 'Aqil bin 'Ali. 1998. *Al-Imam al-Ghazali wa 'Ilm al-Hadith*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- al-Maydani, 'Abd al-Rahman Hasan Habannakah. 1979. *Al-'Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuhu*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- al-Maydani, 'Abd al-Rahman Hasan Habannakah. 1993. *Dawabit al-Ma'rifah wa Usul al-Istidal wal-Munazarah*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- al-Nawawi, Muhyi al-Din Yahya bin Sharf. 1999. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Qahirah: Matbu'ah al-Misriyyah bi al-Azhar.
- al-Qadi 'Abd al-Jabar. T.th. *Al-Mughni fi Abwab al-'Adl wa al-Tawhid*. Qahirah: Muassasah al-Misriyyah.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1996. *Al-'Aql wa al-'Ilm fi al-Quran al-Karim*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
- al-Salih, Subhi. 2009. *'Ulum al-Hadis*. Beirut: Dar al-'Ilm Lilmalayin.
- al-Shäfi'i, Hasan Muhammad. 1991. *Madkhal Ila Dirasah 'Ilm al-Kalam*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
- al-Shäfi'i, Hasan Muhammad. 1998. *Al-Amidah wa Arāhu al-Kalāmiyyah*. Qahirah: Maktabah al-Wahbab.
- al-Shäfi'i, Hasan Muhammad. 2010. *Lamhāt Min al-Fikr al-Kalāmī*. Qahirah: Dar al-Basair.
- al-Sharastani, Abi al-Fath Muhammad 'Abd al-Karim bin Abi Bakar. 1993. *al-Milāl wa Nihāl*. Tahqiq: Amir 'Ali Mahna & 'Ali Hasan Fa'ur. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Subki, Taqi al-Din Abi Nasr 'Abd al-Wahab bin 'Ali bin 'Abd al-Kafi. T.th. *Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra*. T.t.p: Dar Ihya' al-Kitab al-'Arabiyyah.
- al-Taftazani, Abu al-Wafa al-Ghinami. T.th. *'Ilm al-Kalam wa Ba'd Mushkilatih*. Qahirah: Dar al-Thaqafah.
- al-Zabidi, al-Sayyid Muhammad bin Muhammad al-Husaini. 1989. *It'haf-al-Sadah al-Muttaqin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Hajah Noresah Bahorom (ed.). 2010. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Abi al-Dunya. 1993. *Al-'Aql wa Fadilah*. Tahqiq: al-Sa'id bin Basyuni Zaghlul & Yusri 'Abd al-Ghani 'Abd Allah. Beirut: Muassasah al-Kitab al-Thaqafiyah.
- Ibn al-Salah, Abu 'Umar wa 'Uthman bin 'Abd al-Rahman al-Shahruzwari. 1986. *'Ulum al-Hadith li Ibn al-Salah*. Tahqiq: Nur al-Din 'Itr. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Makram. 2003. *Lisan al-'Arab*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibn Rushd. 2007. *Al-Kashf 'An Manāhij al-Adilah Fi 'Aqā'id al-Millah*. Beirut: Markaz Dirasat al-Wahdat al-'Arabiyyah.
- Ibn Taymiyyah, Taqi al-Din Ahmad bin Taymiyyah al-Harani. 2005. *Majmu'ah al-Fatawa*. Tahqiq: 'Amr al-Jazar & Anwar al-Baz. Mansurah: Dar al-Wafa'.
- Kamal al-Din Nur al-Din Marjuni. 2011. *Al-Madhabib al-'Aqa'idiyah al-Islamiyyah*. Malaysia: Jam'i'ah al-'Ulum al-Islamiyyah al-Maliziyyah.
- Mahmud Shaltut. 2001. *Al-Islam 'Aqidah wa Shari'ah*. Qahirah: Dar al-Shuruq.
- Muhammad 'Imarah. 2008. *Maqam al-'Aql fi al-Islam*. Qahirah: Nahdah Misr.
- Mustafa Sabri. 1981. *Mawqif al-'Aql wa 'Ilm wa al-'Alm*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.